



Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

**KENYATAAN MEDIA**  
**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**ISU *ROADKILL* MEMBABITKAN HIDUPAN LIAR**

**9 SEPTEMBER 2020**

---

Saya ingin menyeru kepada semua pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati apabila memandu di kawasan-kawasan lintasan hidupan liar berikutan kejadian seekor anak gajah jantan mati dilanggar di Batu 10, Jalan Kota-Tinggi-Mersing, Kota Tinggi, Johor pada 1 September 2020. Sebelum ini juga telah berlaku kejadian gajah mengamuk di Jalan Mawai Kota tinggi Johor pada 31 Julai 2020 dan serangan gajah ke atas orang awam di Jalan Raya Timur-Barat arah Gerik-Jeli pada 1 Ogos 2020.

Menurut rekod Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia, sebanyak 2,055 ekor pelbagai spesies hidupan liar telah direkodkan mati dilanggar di jalan-jalan persekutuan, jalan negeri dan lebuh raya dalam kejadian *road-kill* sejak tahun 2015 hingga 2019. Senarai spesies hidupan liar yang mencatatkan jumlah kematian yang tertinggi adalah spesies Kucing Batu dan Kucing Tulap (103), Tapir (66), Memerang (7), Beruang (7), Gajah (5), Harimau Kumbang (5), Kambing Gurun (2), Harimau Malaya (1) dan Rusa (2).

Kes *roadkill* berlaku apabila hidupan liar cuba melintas jalan raya atau lebuh raya yang dibina melintasi kawasan berhutan untuk bergerak ke kawasan berhutan yang bertentangan bagi tujuan tertentu seperti mencari makanan, mencari pasangan untuk membiak atau mencari habitat yang lebih sesuai untuk berkeliaran.

Pihak kerajaan berusaha mengurangkan *roadkill* dengan menggunakan konsep koridor ekologi sepertimana yang dinyatakan dalam Pelan Induk *Central Forest Spine* (CFS). Koridor ekologi bertujuan untuk menghubungkan kembali kawasan hutan yang terpisah oleh pembinaan lebuh raya, jalan raya dan perubahan guna tanah untuk aktiviti pembangunan. Pembinaan struktur lintasan hidupan liar di lokasi-lokasi terpilih mampu mengelak dan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang membabitkan hidupan liar.

Jajaran lebuh raya atau jalan raya yang melalui kawasan berhutan perlu dilengkapi dengan struktur lintasan hidupan liar seperti *elevated road*, *wildlife viaduct*, terowong dan sebagainya. Kerajaan telah membina tiga (3) lintasan hidupan liar di Semenanjung Malaysia seperti berikut:

- i. koridor ekologi **Sungai Deka, Terengganu** dengan pembinaan 3 lintasan hidupan liar pada tahun 2009 yang melibatkan kos sebanyak RM24.9 juta;
- ii. koridor ekologi **Sungai Yu, Pahang** dengan pembinaan 3 lintasan hidupan liar yang dibina pada tahun 2014 yang melibatkan kos sebanyak RM82.3 juta; dan
- iii. koridor ekologi **Gerik, Perak** dengan pembinaan 2 lintasan hidupan liar yang dibina pada tahun 2015 yang melibatkan kos sebanyak RM25.1 juta.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan PERHILITAN telah menjalankan kajian keberkesanan lintasan hidupan liar melalui kaedah pemasangan perangkap kamera. Hasil kajian mendapati pelbagai hidupan liar seperti Gajah, Rusa, Kijang, Kambing Gurun, Beruang, Kucing Hutan, Babi dan spesies primat telah menggunakan koridor ekologi Sungai Deka dan Gerik.

Bagi mengurangkan kes *roadkill* hidupan liar di Kota Tinggi-Mersing Johor, KeTSA juga telah merancang untuk membina satu lagi koridor ekologi di kilometer 48 laluan Kluang-Mersing Johor yang melibatkan pembinaan jejambat sepanjang 200 meter. Projek pembinaan koridor ekologi ini telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan akan disambung dalam RMKe-12 dengan anggaran kos sejumlah RM28 juta.

Buat masa ini, pasukan khas di peringkat Kerajaan Negeri telah diwujudkan bagi menangani isu konflik manusia-hidupan liar. Bagi tujuan penambahbaikan, KeTSA akan menubuhkan pasukan khas di peringkat Kebangsaan yang dianggotai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Kementerian/Agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) dan Jabatan Kerja Raya (JKR), syarikat konsesi lebuhraya dan syarikat perladangan yang besar bagi menangani konflik manusia-hidupan liar.

Selain itu juga, Jabatan PERHILITAN akan mewajibkan pematuhan kepada *Wildlife Management Plan* (WMP) bagi sebarang projek di habitat hidupan liar. WMP ini juga akan dijadikan syarat dalam kelulusan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Semua projek pembangunan yang memerlukan laporan

EIA perlu menyediakan WMP yang akan mengenalpasti langkah-langkah mitigasi yang perlu dipatuhi oleh penggerak projek dan pelaksanaannya yang akan dipantau oleh Jabatan PERHILITAN bersama Jabatan Alam Sekitar.

Kementerian ini ingin menasihatkan orang awam supaya lebih berhati-hati ketika memandu di kawasan lintasan hidupan liar, patuhi had laju, rendahkan lampu kenderaan dan memperlahankan kenderaan sekiranya terlihat papan tanda lintasan hidupan liar. Orang ramai disaran menyalurkan maklumat terus kepada Jabatan PERHILITAN dengan menghubungi talian 1-800-88-5151 jika terserempak dengan hidupan liar.

**DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**  
**9 SEPTEMBER 2020**